

# Hidroponik kurangkan kebergantungan pada makanan import

SISTEM Hidroponik NFT merupakan kaedah yang telah lama digunakan di negara maju untuk penghasilan sayuran yang bersih dan berkualiti. Selain itu, ia juga mampu mendatangkan pendapatan lumayan terutamanya untuk beberapa jenis sayuran bernilai tinggi.

Menurut Pensyarah Jabatan Sains Tanaman Fakulti Pertanian Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Dr. Siti



SITI ZAHARAH

Zaharah Sakimin, sudah sampai masanya kaedah tersebut diperluaskan di Malaysia untuk menjamin bekalan makanan yang selamat dimakan.

"Kaedah ini juga bagi mengelakkan kebergantungan import makanan dari negara luar di samping dapat meningkatkan sumber makanan yang mencukupi pada masa hadapan. "Sekiranya ia dihasilkan dalam

kuantiti yang banyak, tumbuhan berkenaan boleh dijual kepada jiran tetangga yang mana secara tidak langsung dapat menjana pendapatan tambahan keluarga melalui aktiviti sampingan ini," katanya yang dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Kelebihan hidroponik NFT ialah ia mudah untuk disediakan kerana menggunakan peralatan yang murah dan sangat cekap, efisien, efektif, serta produktif dalam menghasilkan tanaman jangka masa pendek jika dibandingkan dengan beberapa

sistem hidroponik yang lain.

"Antara faedah lain, masyarakat yang membuat tanaman Hidroponik NFT di rumah lebih selamat kerana ia di tanam sendiri berbanding sayur-sayuran di pasaran yang berkemungkinan mengandungi sisa racun perosak dan rumpai yang tinggi," terangnya.

Tambah beliau, kaedah penanaman menggunakan sistem hidroponik NFT sesuai digunakan untuk menanam tanaman jenis sayuran jenis dedaun seperti kangkung, salad dan sawi.